

# **Pengaruh dan Impak Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Terhadap Isu Palestin di Malaysia**

## ***The Influence and Impact of The Malaysian Islamic Youth Force (ABIM) on The Palestinian Issue in Malaysia***

**Nur Atika Hairi<sup>1</sup>, Norhafizah Ahmad<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Calon PhD,

Institut Timur Tengah, Universiti Sakarya, Turki

<sup>2</sup>Pensyarah Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

\*Corresponden: nuratikahairiium@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2020.01.01.001>

Received 25 October 2020; Accepted 27 October 2020; Available online 02 Month 2020

**Abstrak:** Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) merupakan sebuah gerakan dakwah dan ditubuhkan secara sah pada tahun 1972. Sejak 1971 sehingga sekarang, ABIM sangat cakna akan isu antarabangsa khususnya isu Israel-Palestin. Artikel ini membincangkan pengaruh dan impak ABIM dalam memperjuangkan pembebasan Palestin (1971-2020). ABIM sentiasa menggesa kepada pihak yang bertanggungjawab untuk kemerdekaan Palestin dan kebebasan rakyatnya daripada cengkaman Israel. Walaupun pelbagai proses runding damai telah diadakan antara Israel dan Palestin di peringkat antarabangsa, namun penyelesaian yang konkret belum dapat dicapai secara mutlak. Objektif yang ingin dicapai ialah menganalisis keterlibatan ABIM dalam usaha menyelesaikan konflik Israel-Palestin. Metodologi yang digunakan ialah penyelidikan sumber primer di Arkib Negara Malaysia dan Arkib ABIM. Selain itu, temubual bersama Presiden ABIM, saudara Muhammad Faisal Abdul Aziz turut dilaksanakan. Hasil kajian mendapati ABIM sangat kosisten dan aktif dalam memperjuangkan isu ini. Ini telah membuktikan bahawa suara NGO mampu mempengaruhi dan memberi impak kepada ketetapan dan keputusan di peringkat negara mahupun antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kelantangan suara yang sentiasa dipamerkan oleh ABIM mampu memberi kesedaran kepada pemimpin dan rakyat Malaysia bahawasanya isu ini bukan hanya isu agama tetapi isu ini isu sejagat yang melibatkan nilai kemanusiaan. ABIM telah melakukan sidang media, menghantar memorandum, mengadakan demonstrasi, perhimpunan aman, kempen boikot barang Amerika-Israel dan menubuhkan Tabung Bantuan Palestin dalam mengangkat isu ini. Makalah rasmi ABIM, "Risalah" juga berperanan menyebarkan isu-isu semasa Palestin dengan menyiar artikel dari sumber yang asli mengenai Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) dan perkembangan di Palestin terutama pada tahun 1970an. Ini kerana sumber pada ketika

\*Corresponding author: nuratikahairiium@gmail.com

2020 UTHM Publisher. All rights reserved.

[publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs](http://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs)

itu sangat terhad dan media Barat menyiaran berita yang berat sebelah dan tidak benar.

**Kata Kunci:** ABIM, Palestin, Israel, kezaliman, penderitaan, pembelaan, kemanusiaan

**Abstract:** *The Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM) is an Islamic organisation legally established in 1972. From 1971 until now, ABIM is very concern to international issues, especially the Israeli-Palestinian issue. This article discusses the influence and impact of ABIM in fighting for the liberation of Palestine (1971-2020). ABIM has always called on those responsible for Palestinian independence and the freedom of its people from the grip of Israel. Although various peace negotiations have been held between Israel and Palestine internationally, concrete solutions have not been reached. The objective to be achieved is to analyze ABIM's involvement in resolving the Israeli-Palestinian conflict. The methodology used is primary source research in the National Archives of Malaysia and the ABIM Archive. Apart from that, an interview with the President of ABIM, Mr. Muhammad Faisal Abdul Aziz was also held. The results of the study found that ABIM is consistent and active in fighting for this issue. This proves that the voice of NGOs can influence and impact decisions at the national and international levels such as the United Nations (UN). The volume of voice that is always displayed by ABIM is able to give awareness to the leaders and the people of Malaysia that this issue is not just a religious issue but this issue is a universal issue involving humanitarian values. ABIM has held press conferences, sent memorandum, held demonstrations, peaceful rallies, boycotts of American-Israeli goods and set up a Palestinian Aid Fund to raise the issue. ABIM's official paper, 'Risalah' also played a role in disseminating current Palestinian issues by publishing articles from original sources on the Palestinian Liberation Organization (PLO) and developments in Palestine, especially in the 1970s. This is because resources at the time were very limited and Western media published biased and untrue news.*

**Keywords:** ABIM, Palestin, Israel, tyranny, suffering, defense, humanity

## 1. Pengenalan

Merujuk kepada penulisan Nejima, S. [1], banyak perbahasan telah dibicarakan berkenaan peranan dan tindak tanduk semasa Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dalam mempromosikan isu hak asasi manusia dalam sistem politik antarabangsa. Pada hari ini, tidak dinafikan bahawa NGO memainkan peranan utama dalam memperjuangkan isu hak asasi manusia terutamanya isu Palestin. Menurut Abdul Karim Ali & Mohd Roslan Mohd Nor [2], setelah 72 tahun Palestin jatuh ke tangan kaum Yahudi, Israel terus-menerus menyerang dan membunuh khususnya umat Islam tanpa belas kasihan. Peristiwa yang berlaku di Deir Yassin, Jenin, Sabra dan Shatila menjadi bukti kepada kezaliman yang dimulakan oleh Menachem Begin dan Yitzhak Shamir [3]. Kemudiannya, Ariel Sharon diangkat menjadi Perdana Menteri Israel sedangkan mereka jelas merupakan penjenayah perang [4] [5].

Situasi menjadi semakin teruk sejak tercetusnya tragedi *Operation Casting Lead* (OCL) dan sekatan kejam Rejim Zionis terhadap komuniti Gaza, Palestin. Menurut Maszlee Malik [6], sangat menghairankan apabila serangan, penyembelihan dan pembunuhan ini dilakukan secara terang-terangan dan disaksikan oleh media komunikasi seluruh dunia; tanpa secara sembunyi-sembunyi lagi. Masyarakat dunia hanya mampu mengecam dan mengutuk. Puluhan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Majlis Keselamatan (*Security Council*) dikeluarkan tetapi tidak dipedulikan oleh Israel [7]. Lebih memburukkan keadaan apabila Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump

mengisyiharkan Baitul Maqdis sebagai ibu negara Israel. Ini telah memarakkan kembali api kemarahan umat Islam di serata dunia [8].

Peranan setiap NGO yang ditonjolkan adalah berbeza dan pelbagai. Bermula daripada melakukan gerakan besar-besaran, melakukan demonstrasi jalan sehingga memberi bantuan kemanusiaan kepada golongan yang tertindas. Dalam situasi yang tidak dijangka, terdapat beberapa kumpulan yang dilihat secara relatif sebagai kumpulan ekstrim atau penganas yang menggunakan kekuatan untuk melepaskan mesej kuat mereka kepada pihak yang disasarkan [9]. Oleh yang demikian, peranan NGO pada masa ini cenderung mengutamakan masalah hak asasi manusia. Secara tidak langsung, senario ini telah mencabar status quo terhadap peranan sesebuah negara sebagai pelindung utama isu hak asasi manusia dan juga aktor penting di peringkat sistem politik antarabangsa [10].

Namun begitu, sebagai sebuah NGO, ABIM menjadi kumpulan perintis di Malaysia dan didukung oleh kerajaan dalam usaha membebaskan bumi Palestin daripada penaklukan dan penindasan rejim zionis Israel. Sehingga kini, ABIM mengutuk keras Pelan Damai Israel-Palestin aturan Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump kerana didakwa tidak masuk akal dan mencabul hak Palestin [11].

Sehubungan itu, menurut Ismail Zayid [12], ABIM telah menyatakan pendirianya bahawa perjuangannya didasarkan kepada slogan "Kita Satu Ummah". Peranan ABIM dalam memperjuangkan isu ini banyak dilakukan dengan memberi penjelasan yang tepat mengenai sejarah Palestin dan pergolakan semasa. Penjelasan yang diterjemahkan melalui sidang media, perhimpunan aman dan penghantaran memorandum ini sangat membantu masyarakat antarabangsa khususnya di Malaysia agar dapat memahami isu Palestin secara keseluruhan. Pelbagai buku dan *risalah* diterbitkan. Ulasan dan kupasan terperinci turut dimuatkan di dalam makalah rasmi ABIM iaitu Risalah ABIM sejak sekian lama.

Presiden ABIM, saudara Muhammad Faisal Abdul Aziz berpendapat, konflik Israel-Palestin telah mendapat perhatian yang luar biasa dari pelbagai bidang selama ini. Sejumlah besar literatur telah muncul dalam pelbagai bidang seperti sejarah, kajian Timur Tengah, undang-undang antarabangsa, penyelesaian konflik dan hubungan antarabangsa. Para pengkaji membincangkan dan meneroka dimensi yang berlainan dari apa yang telah dikenal sebagai konflik Israel-Palestin. Media antarabangsa menonjolkan penyelesaian satu dan dua negara sebagai pilihan yang ditawarkan untuk mengakhiri krisis Israel-Palestin. Namun, perkara itu tetap menjadi perbincangan yang rumit.

Justeru itu, ABIM menyatakan solidariti dan sokongan penuh kepada rakyat Palestin dalam mengambil langkah ini untuk pengiktirafan Negara Palestin berdasarkan resolusi *United Nations Security Council* (UNSC) 242 yang menyatakan perbatasan bersebelahan 1967 dengan Jerusalem Timur sebagai modal. ABIM menyokong kemasukan Palestin sebagai anggota penuh PBB [13].

## 2. Metodologi Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan jenis kajian dokumentasi. Dalam pengumpulan data, pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen dan disokong oleh temubual. Temubual berstruktur secara bersemuka ke atas Presiden ABIM, saudara Muhammad Faisal Abdul Aziz dalam usaha mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut berhubung persoalan kajian. Data daripada temubual telah direkod dan dianalisis dengan menggunakan bantuan alat perakam untuk mengukuhkan dan mengenal pasti kesahihan bahan kajian yang bersifat sekunder.

Pemerhatian langsung turut dilaksanakan menerusi penyertaan pengkaji terhadap majlis-majlis rasmi ABIM dan perhimpunan aman. Sebagai contoh, isi kandungan ucapan dasar dan sesi pembentangan atau forum oleh pemimpin tertinggi ABIM telah dicatat secara langsung menerusi Muktamar Tahunan ABIM ke-45 di Selangor. Pengumpulan bahan-bahan yang bersifat sekunder juga telah dijalankan menerusi carian atas talian serta di Arkib Malaysia dan Arkib ABIM. Arkib-arkib ini

banyak membantu pengkaji mendapatkan maklumat bercetak berkaitan Palestin-Israel dan juga informasi berkaitan sejarah ABIM.

Kemudian, pengkaji menganalisis data menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis tematik. Hasil kajian menunjukkan terdapat kesan positif daripada usaha ABIM dalam pembebasan Palestin dari aspek tekanan terhadap Israel dan kefahaman kepada rakyat Malaysia.

### 3. Kronologi Tahun 1971-1981

Sejak penubuhannya pada tahun 1971, ABIM telah memperjuangkan nasib rakyat Palestin. Pelbagai aktiviti telah dilakukan untuk memberi kesedaran kepada umat Islam di negara ini. Antaranya ialah mengadakan perhimpunan ceramah umum, demonstrasi, kempen boikot barang-barang Amerika Syarikat dan Israel serta mengeluarkan buku-buku mengenai sejarah perjuangan Palestin. Sebagai sebuah gerakan Islam, ABIM terlibat secara langsung dalam memperjuangkan isu Palestin sepetimana yang dilakukan oleh gerakan Islam yang lain seperti Ikhwan al-Muslimun dan Jamaati Islami [14].

Pada tahun 1977, ABIM telah menerbitkan buku Palestine-Warisan Kita untuk memberi kesedaran kepada rakyat akan kedudukan Palestin yang sebenar. Kemudian diikuti pada tahun 2003. Segala usaha awal yang dilakukan oleh ABIM telah direkodkan melalui pembukuan oleh Mohd. Rumaizuddin Ghazali di dalam buku ABIM & Perjuangan Umat Palestin [15].

Semasa Hari Perpaduan Antarabangsa Perjuangan Rakyat Palestin di Universiti Malaya pada 29 November 1979, saudara Kamaruddin Mohd Nor, Naib Presiden (Antarabangsa) ABIM ketika itu telah membuat kenyataan akhbar yang menegaskan bahawa ABIM sejak awal-awal lagi telah mengcam dan mengutuk penubuhan negara Israel apatah lagi tindakan ganas yang dilakukan tanpa perikemanusiaan. Penglibatan kuasa-kuasa imperialis Barat adalah satu perencanaan sulit untuk mengusir pengaruh agama Islam dan mewujudkan wilayah Yahudi. Beliau juga menegaskan bahawa penubuhan negara Israel di Palestin telah mengubah Timur Tengah menjadi kawasan perang secara berskala besar.

Secara realitinya, perjanjian damai ini adalah muslihat pihak Yahudi sahaja untuk mengaburi mata umat Islam dan memutarbelikan isu dasar yang dipersoalkan. Perjanjian damai ini tidak dapat menyelesaikan masalah di Timur Tengah kerana masalah utama ialah hak rakyat Palestin telah dirampas oleh Israel [16]. Perjanjian ini berat sebelah kerana tidak disertai oleh wakil Palestin tetapi dipelopori oleh orang Yahudi. Menurut Brewer [17], sehingga hari ini, negara Israel mampu membangun atas sokongan dan bantuan daripada negara-negara Barat khususnya Amerika.

Berhubung dengan soal Perjanjian Damai Sadat-Begin-Carter, ABIM mengutuk dengan kerasnya tindakan Sadat menyebelahi pihak Yahudi. ABIM menyifatkan perjanjian damai itu sebagai satu pakatan khianat yang telah dirancang untuk memecahbelahkan umat Islam di Palestin. ABIM menentang perjanjian damai tersebut kerana ia membawa implikasi yang buruk kepada rakyat Palestin dan umat Islam dengan mengenepikan serta mencabuli hak rakyat Palestin selama ini. ABIM menegaskan bahawa perjuangan untuk membebaskan Baitul Maqdis dan mengembalikan hak suci rakyat Palestin dan Arab adalah perjuangan umat Islam seluruh dunia. Maka, menjadi tanggungjawab umat Islam seluruhnya untuk bertindak dengan apa cara sekalipun demi mempertahankan maruah dan kehormatan Islam serta menegakkan keadilan.

Pada 24 Ogos 1980, dalam satu perhimpunan anjuran Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), ABIM mengutuk Israel atas pengisytiharan Baitul Maqdis sebagai ibu kota Israel. Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Presiden ABIM ketika itu, mengingatkan bahawa perjuangan untuk membebaskan Bandar Suci al-Quds, mestilah didasari oleh penghayatan Islam sebagai *ad-Din* yang sempurna. Kefahaman yang benar terhadap Islam merupakan persiapan penting yang harus ada, sebelum melangkah ke medan perjuangan kerana ia akan menemukan umat Islam kepada kekuatan ummah dan tidak perlu melutut kepada kuasa-kuasa besar.

Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa pemerintah Israel di bawah Menachem Begin merupakan rejim yang paling tebal semangat zionism kerana Begin merupakan penjenayah yang telah mengetuai penyembelihan 400 orang kanak-kanak, wanita dan orang-orang tua pada tahun 1948. Tindakan Begin mengisyiharkan Baitul Maqdis sebagai ibu kota merupakan suatu tindakan biadab [18].

Datuk Seri Anwar Ibrahim juga turut menjelaskan bahawa tujuan perhimpunan yang diadakan adalah sebagai satu usaha untuk meningkatkan kefahaman dan komitmen rakyat Malaysia terhadap isu lama yang masih berterusan sehingga ke hari ini. Rakyat perlu memahami latar belakang sejarah mengapa Palestin menjadi begini. Ia tidak boleh dilihat dari sentimen emosi semata-mata atau hanya mengeluarkan satu dua kenyataan dan jeritan. Di dalam majlis tersebut, Abu Rayadh telah membacakan perutusan Yasser Arafat, Setiausaha Agung Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang menyeru umat Islam supaya membebaskan Baitul Maqdis dan PLO berikrar akan terus berjuang meskipun sehingga ke peringkat tidak mempunyai senjata lagi demi mempertahankan maruah umat Islam. ABIM juga mendesak supaya kerajaan Malaysia memberi status diplomat kepada PLO.

#### 4. Kronologi Tahun 1982-1992

Pada 1982, ABIM lantang bersuara di Perhimpunan Perpaduan Palestin dan diikuti dengan penyerahan nota bantahan kepada Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia. Antara kandungan nota bantahan adalah seperti berikut:

“Maka, kami yang mewakili seluruh rakyat Malaysia dalam Perhimpunan Perpaduan Palestin anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang disertai oleh wakil-wakil negara Islam dan *Palestinian Liberation Organisation* (PLO), dengan sokongan daripada seluruh umat Islam di Malaysia seperti berikut:”

1. Terus menyokong perjuangan rakyat Palestin dalam menuntut hak asasi terhadap negara Palestin yang telah dirampas oleh pasukan Zionis Yahudi.
2. Mengcam sikap dan tindakan negara-negara kuasa besar dunia terutama sekali Amerika Syarikat, kerana mereka telah mengkhianati perjuangan rakyat Palestin dan telah bekerjasama dengan Zionis Yahudi di Tel Aviv dalam percubaan untuk menewaskan para pejuang pembebasan Palestin.
3. Mengcam sekeras-kerasnya Amerika Syarikat yang jelas sekali terlibat dalam bantuan ekonomi dan ketenteraan kepada Israel.
4. Mengcam penggunaan kuasa veto Amerika Syarikat terhadap resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang memerintahkan Israel supaya menghentikan pencerobohan dan berundur dari Lubnan. Hanya Amerika sahaja di antara 15 anggota Majlis Keselamatan yang menentang ketetapan-ketetapan tersebut.
5. Mengutuk sikap berpura-pura Amerika Syarikat yang di satu pihak ingin menjadi jaguh perjuangan hak kemanusiaan dan keadilan sejagat manakala di pihak yang lain pula mencabul prinsip kehormatan dan kemanusiaan negara-negara lain. Hal ini dapat dilihat dalam kes di Vietnam, El Salvardo, Iran dan Palestin sendiri.
6. Mengutuk kekejaman dan jenayah yang telah dan sedang dilakukan oleh pemerintah Israel yang disokong oleh Amerika Syarikat.
7. Mendesak supaya Amerika Syarikat dengan serta merta menghentikan serangan ketenteraan Israel terhadap rakyat Palestin dan Lubnan serta menarik keluar semua tenteranya dari bumi Lubnan dan Palestin.

ABIM memberi amaran jika tuntutan ini tidak dilaksanakan, maka rakyat Malaysia yang cintakan keamanan akan mengambil tindakan ke atas kepentingan Amerika Syarikat dan Israel. ABIM juga telah

menubuhkan Tabung Perpaduan Palestin ABIM yang dilancarkan pada 22 Jun 1982. Tabung ini telah mendapat galakan daripada seluruh rakyat Malaysia. Dalam masa 20 hari sahaja, sebanyak RM 37 517. 40 telah berjaya dikumpulkan.

Pada 12 Jun 1982, ABIM telah menghantar tiga pucuk kawat kepada Yasser Arafat di Jeddah dan Setiausaha PBB di New York bagi menegaskan sikap ABIM mengutuk keganasan terbaru regim Zionis Yahudi ke atas rakyat Palestin dan Lubnan. Antara kandungannya seperti berikut:

“Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) merakamkan bantahan sekeras-kerasnya terhadap penggunaan undi pembatal Amerika Syarikat di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (MKPPB) bagi menghalang resolusi yang menggesa diberhentikan segera kekejaman dan jenayah terbaru Zionis Israel ke atas rakyat Palestin dan Lubnan. Oleh yang demikian, kita ingin mengulangi sikap kita untuk menyokong sepenuhnya perjuangan hak rakyat Palestin di bawah pimpinan *Palestinian Liberation Organisation* (PLO) untuk mengembalikan tanah air mereka.”

Selain itu, Risalah ABIM juga menyiar artikel bertajuk Menghancurkan PLO-Matlamat Keganasan Israel. Artikel ini mengkritik sikap PLO yang tidak berkemampuan bertindak dengan tersusun dan terkoordinasi. Masalah utama PLO ialah tidak adanya perkaitan yang realistik antara objektif yang mahu dicapai dengan strategi yang digunakan. Objektifnya ialah meruntuhkan negara Yahudi dan menubuhkan sebuah negara sekular-demokratik. Tetapi dalam masa yang sama, PLO mengadakan perhubungan dengan negara-negara Arab yang mengiktiraf kewujudan Israel. Justeru, demi menempa masa depan yang gemilang, PLO harus membuat perubahan dasar dalam perjuangannya dan mendapat sokongan umat Islam atas dasar ikatan ukhuwwah Islamiah yang sejati. PLO akan gagal jika tetap berdegil dengan semangat Arabisme, sekularisme yang kabur, sosialisme seperti Parti Baath atau semangat setiakawan Palestin yang sempit.

Pada 14 Ogos 1982, wakil khas PLO Ali Faiyyad telah mengadakan pertemuan dengan ABIM dan memberitahu mengenai berita terbaru keganasan Israel yang menyerang PLO di Lubnan. Beliau menegaskan bahawa Israel tidak akan dapat menghancurkan perjuangan rakyat Palestin kerana para pejuang PLO mempunyai keimanan dan *wahdatul fikr wa qiyadah*. Di samping itu, beliau juga melahirkan rasa kesal dengan sikap negara-negara Arab yang mudah menyerah kalah.

Risalah ABIM juga menyiar artikel bertajuk Yahudi Dan Nasara Sembelih Umat Islam. Artikel ini sekali lagi memberi kesedaran kepada umat Islam mengenai keganasan Israel yang menyembelih seramai 3000 orang pelarian Palestin pada 18 Julai 1982 dan tipu daya Menteri Pertahanan Israel, Ariel Sharon untuk menghancurkan PLO. ABIM juga mengutuk dengan sekeras-kerasnya pembunuhan beramai-ramai ke atas rakyat Palestin di dua khemah pelarian di Beirut Barat pada 19 September 1982. Serentak dengan kutukan ini, ABIM menyeru semua pihak di seluruh negara agar mempertingkatkan lagi kempen anti Zionis menerusi setiap saluran dan meminta rakyat terus menyokong perjuangan rakyat Palestin dan pembebasan Masjid al-Aqsa.

Pada masa yang sama, ABIM sekali lagi mengadakan Perhimpunan Mengutuk Kekejaman Yahudi dan Phalange iaitu tentera Kristian Lubnan serta pelancaran kempen memboikot barang-barang Amerika di Maktab Perguruan Islam Petaling Jaya pada 26 September 1982.

ABIM juga mengulangi sekali lagi sokongan penuhnya terhadap perjuangan keadilan rakyat Palestin di bawah pimpinan PLO, yang merupakan wakil keseluruhan rakyat Palestin. Oleh itu, ABIM menyeru seluruh masyarakat antarabangsa mengiktiraf PLO. ABIM juga ingin menyatakan rasa kesediaannya untuk melibatkan diri dalam sebarang usaha ke arah mencari penyelesaian soal Palestin dan juga usaha-usaha yang seumpamanya.

Pada 6 Mei 1983, ABIM terus aktif menyuarakan sokongannya kepada umat Islam Palestin di Persidangan Asia Mengenai Soal Palestin yang diadakan di Kuala Lumpur dan kemudiannya menganjurkan Perhimpunan Pembebasan Baitul Maqdis. Perhimpunan ini diadakan di Panggung Dewan Bandaraya yang dihadiri lebih daripada 2000 orang. ABIM menyatakan bahawa pemboikotan

barang-barang buatan Amerika telah berjaya sehingga menerima pelbagai tohmahan di atas tindakan tersebut. Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Siddiq Fadzil selaku Presiden ABIM ketika itu, mengingatkan bahawa kegagalan menyelesaikan masalah Palestin adalah kegagalan kepada manusia seluruhnya untuk hidup sebagai manusia. Dalam Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-13 pada 7 Disember 1984, Presiden ABIM Profesor Dato' Dr. Siddiq Fadzil menyebutkan:

“ABIM adalah bersama-sama dengan umat Palestin dalam membela hak-hak mereka ke atas tanah milik mereka. Walaupun tidak banyak dapat kita perbuat dari segi fizikalnya namun sokongan moral kita kepada perjuangan umat Islam Palestin akan menjadi sumber kekuatan untuk mereka terus berjuang.”

ABIM menerima kunjungan wakil gerakan Islam dari Palestin Harb Mohamad Inayah pada 16 Mac 1988. Kedatangan beliau untuk menyampaikan perkembangan kebangkitan semula rakyat Palestin yang disemangati oleh roh jihad Islam dalam menentang pendudukan Yahudi di bumi Palestin.

Di dalam buku ABIM Dengan Isu-isu Semasa, 1990-1992, telah dinyatakan bahawa pada 5 Mac 1990, ABIM mendesak kerajaan Malaysia membasi kemasukan barang Israel ke Malaysia. ABIM memandang berat pendedahan yang dibuat oleh pihak Kastam dan Eksais Diraja mengenai kemasukan barang-barang buatan Israel ke negara ini oleh sebuah firma perindustrian di Pulau Pinang. ABIM dengan ini menuntut pihak berkuasa untuk mengambil tindakan tegas ke atas syarikat atau individu yang terlibat dengan kemasukan barang-barang tersebut. Kemasukan barang-barang Israel tidak harus dianggap sebagai perkara kecil tetapi ia merupakan suatu cabaran yang serius [19].

## 5. Kronologi Tahun 1993-2003

ABIM juga berusaha mentarbiyyah ahli-ahlinya mengenai bahaya zionis terhadap kebangkitan dunia umat Islam. Sehubungan itu, ABIM mengadakan ceramah yang berkaitan dengan isu Palestin dan bahaya Zionis dalam kursus latihannya. Pada Tamrin Qiyadi Kebangsaan (TQK) ke-11 tahun 1993, saudara Anuar Tahir telah membentangkan kertas kerja bertajuk Ancaman Zionis di Dunia Islam.

Pada 26 Februari 1994, ABIM telah mengutuk tindakan membunuh lebih 53 orang Palestin dan mencederakan 80 orang yang lain oleh beberapa orang penjenayah Yahudi ketika umat Islam sedang mengerjakan solat Subuh di Masjid Ibrahim al-Khalili. ABIM menegaskan tindakan ganas itu tidak boleh dimaafkan sama sekali oleh umat Islam dan menyeru PLO menghentikan sebarang bentuk perundingan dengan rejim ganas Israel serta menumpukan ke arah perjuangan jihad terhadap pembebasan Masjid al-Aqsa. ABIM juga menyeru pimpinan agama di seluruh dunia sama ada agama Kristian, Buddha, Hindu dan agama besar yang lain untuk turut mengutuk kerajaan Israel kerana tragedi ini merupakan satu manifestasi sejagat untuk menghormati hak asasi umat Islam supaya dapat beribadat dengan keselamatan yang terjamin [20].

Di dalam Ucapan Dasar ABIM ke-23, Dr. Muhammad Nur Manutu selaku Presiden ABIM ketika itu telah menyatakan:

“Perdamaian PLO dengan Rejim Tel Aviv turut menjadi perbincangan utama media massa dunia. ABIM telah menyatakan pandangannya bahawa sebarang usaha perdamaian yang tidak mengembalikan hak asasi rakyat Palestin dan juga Baitul Maqdis adalah satu penipuan. Dengan lain perkataan, perjanjian damai itu adalah ‘*unjust peace settlement*’, Sekalipun PLO sedang menghadapi pelbagai tekanan dari kuasa-kuasa besar dunia, namun mereka tidak seharusnya menyerah diri kepada Israel dengan harga yang murah. Yang jelas Israel mahu menjadikan PLO dan gerakan Islam lemah.”

ABIM juga meminta Majlis Fatwa Kebangsaan untuk membuat fatwa mengenai isu Palestin bagi menjelaskan kepada umat Islam khususnya mengenai implikasi membuat lawatan ke Baitul Maqdis pada ketika kota suci tersebut masih berada di dalam cengkaman rejim Israel [21][22]. Sehubungan itu, ABIM sekali lagi mengulangi pendiriannya bahawa Perjanjian Damai dengan Israel tidak

menguntungkan umat Islam Palestin. Ini dinyatakan oleh Dr. Muhammad Nur Manutu dalam Ucapan Dasar ABIM ke-24 dengan menegaskan:

“Di bumi suci Baitul Maqdis, umat Islam masih berada dalam kegelapan. Rancangan damai Israel dengan PLO tidak memberi apa-apa keuntungan kepada rakyat Palestin. Israel tetap dengan kedegilannya sebagai bangsa Yahudi yang kisahnya begitu jelas tercatat dalam kitab suci al-Quran. Perluasan wilayah-wilayah penempatan Yahudi di kawasan Tebing Barat jelas membuktikan permainan politik kotor rejim Tel Aviv. Sewajarnya kita jangan mengiktiraf Israel selagi Baitul Maqdis tidak dapat dibebaskan. Perjuangan rakyat Palestin bermula semenjak tahun 1948 lagi. Umat Islam di Malaysia tidak wajar melupakannya dengan mudah. Kita mengalu-alukan fatwa beberapa ulama ternama dunia yang meminta supaya umat Islam jangan menziarahi Baitul Maqdis selagi ia belum dibebaskan dari cengkaman Israel.”

Pada 16 Januari 1996, ABIM menyuarakan supaya kerajaan Malaysia menimbang semula keputusan untuk mengadakan hubungan dengan Israel secara berperingkat-peringkat. Ini kerana ia memberi lonjakan 'morale' kepada regim Zionis untuk mendapat pengiktirafan penuh bagi negaranya [23]. Perkara ini ditegaskan sekali lagi oleh Dr. Muhammad Nur Manutu dalam Ucapan Dasar ABIM ke-25 dengan menyatakan:

“Perkembangan mutakhir di Timur Tengah jelas menunjukkan bahawa Israel adalah bangsa yang angkuh, degil dan tidak jujur. Proses Perdamaian Palestin-Israel kini berada dalam suatu situasi yang paling sulit. Rejim Benjamin Netanyahu tetap meneruskan dasar Zionisme di bumi Palestin. Kini Israel meluaskan lebih banyak kawasan-kawasan penempatan Yahudi di Tebing Barat. Mereka juga enggan mengantara bangsa Masjid al-Aqsa dan kota Jerusalem. Ini jelas menunjukkan bahawa Israel tidak mahu bertolak ansur dengan kedudukan yang ada. Dalam hal ini, ABIM tetap berpandangan bahawa kerajaan Malaysia tidak wajar mengiktiraf Israel kerana ianya akan menguntungkan Israel dan gerakan Zionisme antarabangsa.”

ABIM juga mengeluarkan kenyataan akhbar menyatakan kesal dengan tindakan polis menghalang demonstrasi aman yang menyatakan protes ke atas tindakan kerajaan Malaysia menjemput pasukan kriket Israel. Demontrasi aman tersebut adalah suatu tindakan yang sangat minimal yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia terhadap kekejaman tindakan Zionis. Penangkapan penunjuk perasaan tersebut merupakan suatu tindakan yang tidak wajar. Justeru, ABIM menegaskan bahawa bantahan tersebut hendaklah dilihat sebagai luahan rasa politik rakyat Malaysia dan bukan perlenggaran undang-undang atau mencabar kuasa.

Pada 10 Februari 2001, Presiden ABIM, Tuan Haji Ahmad Azam Abdul Rahman meminta supaya Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon dibawa ke muka pengadilan antarabangsa kerana melakukan jenayah perang. Sharon bertanggungjawab membunuh rakyat Palestin di kampung Qibya, Tebing Barat pada Oktober 1953 dan melakukan penyerangan di perkhemahan Sabra dan Shatila. Hanya melalui perbicaraan pengadilan antarabangsa terhadap Sharon, proses perdamaian negara Arab dapat berjalan dengan baik.

Pada 26 Mac 2001, ABIM, Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Jamaah Islah Malaysia (JIM) dan Persatuan Kebajikan Kakitangan Islam Universiti Malaysia (PKKIJU) telah mengadakan Seminar Baitul Maqdis dan telah membuat pengisytiharan supaya Baitul Maqdis dikembalikan kepada umat Islam. Seramai 200 orang perwakilan daripada pelbagai pertubuhan Islam telah hadir memberi sokongan padu kepada perjuangan rakyat Palestin.

Pada 7 April 2002, ABIM turut bersama menyertai Jawatankuasa Mengenang Deir Yassin di Malaysia yang dipengerusikan oleh Hishamuddin Ubaidilla. Majlis tersebut telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dengan penceramah undangan oleh Israel Shamir, seorang wartawan bebas berketurunan Yahudi dari Yafa, Palestin. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Haji Ahmad Azam Abdul Rahman, Presiden ABIM, S.M. Mohd Idris, Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan Dr. Alijah Gordon, Pemegang Amanah Tabung Kemanusiaan Palestin. Deir Yassin merupakan satu lokasi di Palestin, tempat bermulanya konflik Israel-Palestin. Pada awal pagi Jumaat 9

April 1948, pihak Yahudi telah menyerang Deir Yassin dan membunuh penduduknya dengan kejam. Tiada siapa yang terkecuali sama ada lelaki, wanita, kanak-kanak dan orang tua. Pihak Yahudi telah menceroboh setiap rumah dan membunuh sesiapa saja yang ada di dalamnya. Dianggarkan antara 100 hingga 250 orang telah terkorban dalam peristiwa tersebut [24].

Dan yang paling penting, pada 8 Mei 2002, ABIM merintis pertemuan dua tokoh negara daripada parti terbesar umat Islam di Malaysia, Presiden Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Tun Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Datuk Fadzil Noor di dalam Majlis Syarahan Perdana Mengenai Palestin dan Kemanusiaan yang dianjurkan bersama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Presiden ABIM ketika itu, Tuan Haji Ahmad Azam Abdul Rahman telah menjelaskan bahawa majlis itu mendapat sokongan daripada parti kerajaan dan pembangkang dalam usaha mencari jalan mengatasi masalah umat Islam di Palestin yang ditindas rejim Zionis. Tegas beliau, isu perjuangan umat Islam Palestin ini sangat dekat di hati para pendokong ABIM. Namun, isu ini tidaklah ditangani secara emosi dan sentimental. Analisa dan hujah yang dibahaskan oleh ABIM adalah rasional, berasaskan kepada ilmu dan maklumat yang benar [25].

Menurut Mohd. Rumaizuddin Ghazali [15], Datuk Fadzil Noor memulakan syarahan dengan mengimbau kronologi sejarah perjuangan rakyat Palestin sejak tahun 1917 apabila Inggeris mulai menjajah Palestin, perjuangan Hamas, *Intifadah* dan peranan OIC. Beliau juga mengkritik PBB kerana tunduk terhadap tekanan Israel sehingga ia dilihat tidak berguna lagi. Contohnya ialah apabila PBB agak pantas mengumumkan pembentukan pasukan penyiasat ke kem pelarian Jenin, dan kemudiannya pasukan itu dibubarkan atas desakan Israel.

Datuk Fadzil Noor juga menyifatkan Ariel Sharon sebagai pengganas paling terkutuk di dunia dan layak diadili di Mahkamah Jenayah Antarabangsa. Hari ini, rejim Israel Zionis sudah sampai ke kemuncak keangkuhannya sehingga tiada lagi kuasa yang mampu menghentikan keganasan Israel. Sharon langsung tidak mengendahkan desakan PBB yang berulang kali meluluskan resolusi supaya rejim Tel Aviv berundur. Desakan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush supaya Israel berundur tanpa berlengah diketepikan oleh rejim Tel Aviv. Israel angkuh dan tidak memberi respon langsung kepada inisiatif damai yang diluluskan sidang kemuncak Arab di Beirut yang sedia mengiktiraf Israel sekiranya Israel berundur dari semua wilayah Arab yang didudukinya.

Datuk Fadzil Noor turut menyarankan supaya OIC membaik pulih imejnya dengan secara berani dan berwibawa, memainkan peranan memayungi seluruh negara Islam merentasi bidang ekonomi, kewangan, pendidikan, pembangunan sumber manusia serta ketenteraan, bukan untuk berperang tetapi untuk mempertahankan negara Islam. OIC juga boleh menjadi rakan dialog baru kepada Kesatuan Eropah (EU), sementara Amerika Syarikat perlu meninggalkan dasar luarnya yang sarat dengan kebencian terhadap perjuangan rakyat Palestin khasnya dan umat Islam amnya. Masyarakat dunia sudah bosan dengan sikap *double standard* dan dasar Amerika Syarikat yang membenarkan Sharon terus bertindak kejam terhadap rakyat Palestin serta tidak menghiraukan hak umat Islam.

Sementara itu, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengajak umat Islam bersatu menyusun strategi bagi mendapatkan sokongan antarabangsa dalam usaha menekan Israel sehingga negara Yahudi itu dipulaukan seluruh dunia. Menurut Perdana Menteri, Malaysia sudah mengutus surat bagi mendapatkan sokongan pemimpin negara Eropah dan semua negara Islam supaya mengambil tindakan menghentikan kezaliman Israel. Ini adalah satu strategi yang dilaksanakan oleh negara yang lemah dan umat Islam kini harus mengakui hakikat bahawa mereka adalah golongan yang lemah. Oleh itu, umat Islam harus menggunakan cara diplomasi. Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa musuh utama umat Islam sekarang ialah Israel atau lebih khusus lagi, Perdana Menterinya Ariel Sharon. Beliau menggesa umat Islam di negara ini supaya bersedia mengenepikan perbezaan fahaman politik dalam mencari kekuatan bagi membantu usaha menyelesaikan isu dan konflik di Palestin. Dalam hal ini, semua haruslah bersatu dan menganggap majlis pertemuan dua parti politik ini sebagai satu langkah

pertama. Di akhir majlis syarahan perdana tersebut, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Fadzil Noor menandatangani pernyataan bersama menangani isu Palestin. Pernyataan itu berbunyi:

“Atas semangat kemanusiaan dan keamanan sejagat, kami atas nama rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum dan keturunan serta fahaman politik yang berbeza-beza, berkongsi rasa, cita dan perjuangan dengan seluruh rakyat Palestin yang mempertahankan hak di bumi kelahiran mereka. Kami menggesa seluruh warga dunia agar ikut serta menyuarakan dan memberikan sumbangan dalam bentuk apa saja sehingga rakyat Palestin dapat hidup dengan aman dan damai di negara yang berdaulat.”

## 6. Kronologi Tahun 2004-2014

Dalam usaha pembebasan Palestin, kempen Boikot, Penjualan dan Sekatan (*Boycott, Divestment and Sanctions*) telah diperkenalkan. Kempen ini dimulakan pada 9 Julai 2005 dan membabitkan 171 NGO Palestin bertujuan menyokong perjuangan rakyatnya bagi memboikot, penjualan dan sekatan antarabangsa terhadap Israel. Inisiatif tersebut diharap dapat mengakhiri pendudukan Israel ke atas bumi Palestin, memberikan kesaksamaan penuh untuk warga Arab-Palestin di Israel dan menghormati hak pelarian Palestin untuk kembali ke negaranya. Selaku NGO, Presiden ABIM, saudara Mohamad Raimi Ab Rahim berkata, ABIM senada dan menyertai kempen global Boikot, Penjualan dan Sekatan ini yang mampu meningkatkan tekanan ekonomi dan politik ke atas Israel. ABIM meminta syarikat di negara Malaysia yang mempunyai hubungan langsung atau tidak langsung dengan Israel agar memutuskan hubungan berkenaan [26].

Pada 17 April 2008, ABIM mendesak Kementerian Dalam Negeri (KDN) melarang dua warga Israel masuk ke Malaysia untuk bermain bersama pasukan bola sepak Chelsea, yang dijadualkan pada Julai 2008. ABIM kesal dengan tindakan Datuk Seri Rais Yatim yang tidak membantah hasrat pemain bola berkenaan ke Malaysia dan dianggap tidak peka akan isu Palestin. Presiden ABIM ketika itu berkata, larangan itu bertujuan menyingkirkan Israel sehinggalah ia mengiktiraf hak warga Palestin, menghormati undang-undang antarabangsa dan resolusi PBB serta berhenti mencabuli hak asasi manusia [27].

Sejak kemenangan Hamas dalam pilihan raya 2006 diikuti kegagalan merampas kerajaan yang diketuai Hamas di Gaza pada 2007, Israel berjaya menukar Gaza kepada penjara terbuka untuk 1.5 juta penghuninya dengan kerjasama rapat dari Mesir [28]. Mesir kini menguatkan lagi penjara itu dengan menutup terowong bawah tanah yang digunakan untuk membawa makanan dan kemudahan lain ke Gaza [29].

Pencerobohan Israel selama tiga minggu ke atas Gaza pada 27 Disember 2008 sehingga 20 Januari 2009 membunuh lebih 1400 penduduk Palestin iaitu lebih 80 peratus daripadanya merupakan orang awam. 6400 buah rumah musnah dan kira-kira 75 peratus bangunan musnah sehingga hari ini akibat kepungan yang berterusan. Sepanjang pembunuhan ini, tiada satu pun kuasa Barat yang mengutuk kekejaman itu. Presiden AS, Barack Obama yang baru dilantik pada ketika itu tidak dapat melakukan apa-apa kerana ia adalah rencana bekas Presiden Bush [30].

Menurut Abdul Hadi Awang [31], kemasuhan ke atas Gaza dicapai dengan penggunaan teknologi ketenteraan Amerika Syarikat: F-16, helikopter Apache, fosforus putih, depleted uranium, bom kluster dan senjata baru seperti *dense inert material explosives* (DIME). Kemasuhan ini boleh menyebabkan kecederaan yang tidak pernah dirawat oleh doktor sebelum ini. Senjata ini disediakan oleh Amerika Syarikat yang kebanyakannya sebagai geran ketenteraan [32].

Israel telah berjaya memusnahkan ekonomi Palestin; menjadikan 80 peratus daripada penduduknya bergantung kepada bantuan makanan dan 90 peratus hidup dalam kemiskinan; lebih separuh daripada isi rumah makan hanya sekali sehari; lebih 60 peratus kanak-kanak menghidap anemia dan kekurangan zat makanan; meracuni tanah dan airnya dan menyebabkan beribu-ribu penduduk kehilangan tempat tinggal. Bukan itu sahaja, penduduk Palestin terperangkap di Gaza dan ratusan orang lagi mati kerana

mereka tidak dibenarkan keluar untuk mendapatkan rawatan perubatan yang dapat menyelamatkan nyawa [33].

Oleh demikian, ABIM mengutuk sekeras-kerasnya pembunuhan rakyat Palestin yang tidak bersenjata oleh tentera rejim Zionis yang ternyata tidak langsung mengendahkan hak-hak asasi manusia. ABIM bersama Global Peace Mission (GPM) telah menyerahkan memorandum pada tahun 2009. Memorandum itu bertujuan membantah penahanan seorang penggerak utama GPM, Mejar (B) Azlan bin Muhammad Sharif oleh pihak berkuasa Mesir. Beliau ditahan ketika ingin menghulurkan bekalan bantuan kemanusiaan ke Gaza. Di samping membantah penahanan Mejar (B) Azlan bin Muhammad Sharif, memorandum ini juga menuntut dan menggesa pihak berkuasa Mesir agar membentuk badan-badan kemanusiaan antarabangsa untuk menghulurkan bantuan yang diperlukan oleh penduduk Gaza menerusi sempadan Mesir-Gaza.

Penyerahan memorandum ini di Kedutaan Mesir, turut menyaksikan 3 orang wakil GPM, Tuan Haji Ahmad Azam, Haji Nur Anwar Hashim dan Mejar (B) Azlan sendiri pergi menemui pegawai kedutaan Mesir untuk menyuarakan bantahan secara langsung berhubung isu penahanan dan halangan yang dihadapi para petugas kemanusiaan untuk menyalurkan bantuan ke Gaza menerusi sempadan Mesir-Gaza. Turut hadir bersama saudara Mohamad Raimi Ab Rahim, Setiausaha Agung ABIM dan Khairul Anuar Musa Setiausaha Agung PKPIM.

Dunia dikejutkan pula dengan berita berkenaan kapal Mavi Marmara yang membawa bantuan kemanusiaan ke Gaza pada 31 Mei 2010 telah diserang oleh tentera Israel dan 10 orang terkorban. Kapal Mavi Marmara yang dimiliki Turki itu telah dilaporkan dibawa ke Haifa, manakala semua penumpangnya dipenjarakan. Kapal itu membawa lebih 700 penumpang dan 12 orang rakyat Malaysia disahkan berada di kapal Mavi Marmara. Ini adalah peringkat terakhir misi berprofil tinggi bagi menghantar lebih 10 000 tan bekalan bangunan dan yang lain ke Gaza, di mana keadaan di situ lumpuh akibat sekatan Israel sejak 2007 [34].

ABIM mengutuk dan membantah Laporan Suruhanjaya Palmer PBB berhubung serangan tentera Israel ke atas kapal Mavi Marmara pada 31 Mei 2010. Laporan PBB itu merumuskan bahawa sekatan itu adalah langkah keselamatan yang sah bagi mencegah senjata memasuki Gaza melalui laut. Laporan itu jelas memalukan terutamanya kepada prinsip asas keadilan antarabangsa dan perlindungan kepada hak asasi manusia. Laporan itu jelas menggambarkan sikap ketidakadilan pihak PBB yang tunduk kepada tekanan Amerika Syarikat dan Israel. Ia merupakan serangan yang telah dirancang dengan teliti terhadap aktivis kemanusiaan yang tidak bertindak ganas dan tidak bersenjata sebagai percubaan untuk memecah sekatan haram Israel bagi menyampaikan bantuan penting. Kesan daripada itu, mengakibatkan pembunuhan yang kejam [35].

Isu asasnya adalah jelas. Pertama sekali ialah sekatan haram ke atas Gaza adalah bertentangan sama sekali dengan undang-undang antarabangsa. Kedua, kapal Mavi Marmara jelas berada di dalam kawasan perairan antarabangsa apabila Israel melancarkan serangan ganas dan tidak bertamadun itu. Ketiga, serangan itu dilakukan terhadap orang awam yang tidak bersenjata di atas kapal Mavi Marmara [36].

Selain berpartisipasi dalam demonstrasi dan perhimpunan aman, ABIM juga berusaha mengumpulkan dana membantu pendidikan kanak-kanak Gaza menerusi Tabung Pendidikan dan Kebajikan Kemanusiaan Palestin yang dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Malam Puisi Riong anjuran Berita Harian (BH) dan ABIM pada 27 Julai 2010. Presiden ABIM ketika itu, Dr. Muhamad Razak Idris berkata, kutipan dana itu akan disumbangkan untuk pendidikan kanak-kanak Gaza di dua buah sekolah bagi membeli kelengkapan persekolahan seperti pakaian, kasut dan beg. Menurut beliau, tabung ini dibawa ke surau dan masjid sepanjang Ramadan dan beberapa tempat awam lain bagi membolehkan orang ramai menghulurkan sumbangan kepada tabung berkenaan [37].

Sokongan dan dokongan terhadap perjuangan membebaskan bumi Palestin telah disentuh pada setiap kali Muktamar Sanawi ABIM sehingga ke hari ini. Pada Muktamar ABIM ke 43 di Sabah, Haji Amidi Abdul Manan, Presiden ABIM dalam ucapan dasarnya telah membuat satu gagasan yang bernas dengan tema ‘Mensejahterakan Malaysia Dengan Dakwah’. Bagi menyahut gagasan ini, ABIM selaku gerakan Islam yang mempunyai pengaruh yang tersendiri perlu mempergiatkan lagi usaha menggerakkan dakwah dalam kerangka *rahmatan lil 'alamin*. Inilah yang telah dilaksanakan oleh Imam al-Ghazali, *Hujjatul Islam* yang telah membina satu kerangka pemikiran melahirkan gagasan *Islah* yang benar-benar *genuine*. Projek *Islah* yang dimulakan Imam al-Ghazali ini kemudiannya diteruskan oleh Sheikh Qadir al-Jailani, yang telah menubuhkan madrasah pemikiran al-Ghazali dalam usaha melahirkan generasi terbaik. Generasi muda yang memiliki sahsiah mulia ini telah memegang jawatan strategik dan penting dalam pentadbiran negara yang akhirnya telah membuka jalan pembebasan Baitul Maqdis.

Pada 9 Julai 2014, ABIM mengecam serangan Israel terhadap rakyat Palestin di Semenanjung Gaza. Serangan yang bermula sejak hari Selasa telah membunuh 27 orang dan mengakibatkan 130 orang cedera. Serangan itu dilakukan oleh Angkatan Bersenjata Israel yang membala roket Hamas ke arah penempatan Israel. Tetapi, tidak ada rakyat Israel yang dilaporkan terbunuh kerana mekanisme pertahanannya yang maju. Sementara itu, ramai rakyat Palestin terutama wanita dan kanak-kanak menderita akibat roket Israel. Israel mendakwa bahawa sasaran roket adalah ke kem Hamas tetapi sebenarnya ramai orang awam menjadi mangsa sasaran tersebut. Paling menyedihkan apabila serangan itu dilakukan ketika umat Islam berada di bulan suci Ramadan [38].

Rentetan daripada peristiwa ini, pada 16 Ogos 2014, satu konvoi misi kemanusiaan NGO Malaysia telah ke Gaza. Misi ini dikoordinasi oleh Duta Besar Malaysia ke Mesir dan Palestin, Datuk Ku Jaafar Ku Shaari. Misi ini disertai oleh 85 sukarelawan Malaysia, termasuk 4 wakil kedutaan, sukarelawan Kelab Putera 1Malaysia (KP1M), Mercy Malaysia dan Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM). Namun begitu, pihak tentera Mesir hanya membenarkan 3 orang sahaja meneruskan perjalanan ke sempadan Rafah. Tiga anggota misi tersebut ialah Datuk Ku Jaafar Ku Shaari, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim sebagai Presiden KP1M dan Duta Palestin ke Malaysia, Dr Anwar Al Agha [39].

## 7. Kronologi Tahun 2015-kini

Gerakan Islam di Malaysia telah bersatu dalam perjuangan rakyat Palestin kerana ini merupakan isu sejagat dan kemanusiaan [40]. Untuk itu, Sekretariat Kempen Selamatkan Al-Quds bersama 40 NGO tempatan telah mengadakan Himpunan Hari Kemarahan pada 2 Oktober 2015 bagi mengecam pencerobohan dan keganasan rejim zionis Israel ke atas Masjid al-Aqsa. Perhimpunan aman bertujuan merayu sokongan seluruh rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan mengecam pencerobohan rejim zionis itu telah diadakan di depan Kedutaan Amerika Syarikat di Jalan Tun Razak.

Jurucakap sekretariat yang juga Presiden ABIM ketika itu, saudara Mohamad Raimi Ab Rahim berkata, perhimpunan tersebut merupakan ruang terbaik kepada setiap rakyat Malaysia untuk menyatakan solidariti atas isu Palestin dan Masjid al-Aqsa tanpa mengira agama, bangsa serta fahaman politik. Hanya wakil daripada ABIM dan MAPIM sahaja dibenarkan untuk menghantar memorandum bantahan kepada Kedutaan Amerika [41].

Ketika lawatan Presiden Amerika Syarikat, Barack H Obama ke Malaysia pada 20 November 2015, ABIM menilai lawatan beliau ke negara ini strategik dari segi diplomasinya tatkala Malaysia masih berperanan sebagai Pengurus Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). ABIM sebagai badan gabungan *Save al-Quds International Campaign* turut menggesa agar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyuarakan secara tegas pendirian umat Islam agar Amerika Syarikat menghentikan sokongan, bantuan politik, ekonomi dan ketenteraan kepada sekutu rapatnya Israel yang kini agresif menceroboh Masjid al-Aqsa. Gesaan ini adalah lambang solidariti negara serta rakyat dan rantau

ASEAN (selaku pengerusi ASEAN) terhadap perjuangan rakyat Palestin yang ditindas negara haram Zionis-Israel [42] [43].

Pada 11 Disember 2015, kepimpinan ABIM yang diketuai presiden, telah mengadakan pertemuan dengan Khaled Meshaal, Ketua Biro Politik Gerakan Pejuang Islam (HAMAS) di Palestin. Pertemuan ini diadakan sempena dengan lawatan rasmi beliau ke Kuala Lumpur. Beliau memberitahu bahawa, kebangkitan rakyat Palestin yang pertama (*intifadah* pertama) pada tahun 1987 telah memperkuuhkan HAMAS di Wilayah Gaza, Palestin. *Intifadah* yang kedua pada tahun 2003 telah berjaya menghalau Ariel Sharon dan Israel dari wilayah Gaza, Palestin. Beliau berharap dan beriltizam bahawa *intifadah* ketiga berjaya menghalau keluar Israel dari bumi Palestin dan *intifadah* keempat mungkin umat Islam seluruh dunia sudah boleh menziarahi Palestin dan Masjid al-Aqsa. Khalid Meshaal sangat menghargai sokongan padu masyarakat, NGO, masyarakat madani serta rakyat Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin dan ini turut menyumbang kepada dasar kerajaan Malaysia yang lantang menyokong perjuangan Palestin di pentas antarabangsa [44].

ABIM juga mengajak masyarakat Malaysia berpartisipasi dalam solidariti buat al-Aqsa pada 2 Ogos 2017 dengan meluncurkan kempen #naik MRT ingat Palestin. Solidariti ini memberi pencerahan kepada rakyat Malaysia bahawa sesungguhnya isu ini tidak harus dilupakan [45].

Selain itu, menurut Mahmoud Abbas iaitu Presiden Palestin dan ketua Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan Pembebasan Palestin dalam The Guardian, pada 2 November 2017 genaplah 100 tahun Deklarasi Balfour yang mengakibatkan Palestin terjajah. Lantaran itu, ABIM dan PKPIM bersama NGO Pro-Palestin telah berkumpul di hadapan Suruhanjaya Tinggi Britain di Jalan Binjai, Kuala Lumpur bagi membantah sambutan Deklarasi Balfour ke-100 oleh kerajaan Britain. Himpunan ini bertujuan mendesak kerajaan Britain meminta maaf kepada penduduk Palestin memandangkan deklarasi itu menyaksikan rampasan wilayah milik masyarakat Islam dan penubuhan negara Zionis-Israel. Satu memorandum bantahan turut diserahkan oleh Presiden ABIM, saudara Mohamad Raimi Ab Rahim kepada Setiusaha Pertahanan Suruhanjaya Tinggi Britain, Kolonel Steven Hole. Memorandum itu mendapat sokongan daripada 47 orang ahli Parlimen dan 27 buah NGO termasuk Yayasan Al-Quds Malaysia (QFM), ABIM dan PKPIM [46].

ABIM turut mengecam tindakan zalim Israel ke atas orang awam Palestin yang menyertai himpunan *Great March of Return* pada 26 Oktober 2018 yang lalu. Presiden ABIM, saudara Mohamad Raimi Ab Rahim berkata serangan kejam tersebut telah menyebabkan 5 orang terkorban dan 232 yang lain cedera akibat tembakan peluru hidup selain tembakan gas pemedih mata. Serangan tersebut merupakan pencabulan prinsip hak asasi manusia dan kebebasan bersuara menerusi perhimpunan aman. Beliau berkata himpunan aman *Great March of Return* yang telah diadakan beberapa kali sebelum ini antara lain menggesa Israel menghentikan serangan terhadap rakyat Palestin di Gaza. Justeru, ABIM telah menggesa Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) untuk mengheret Israel ke muka pengadilan demi menegakkan hak rakyat serta mengelakkan tindakan kejam seperti ini berulang [47]. Selain ICC, ABIM juga menggesa kerajaan untuk menyuarakan pendirian Malaysia berhubung isu Palestin yang semakin meruncing terutama selepas pengisytiharan Amerika Syarikat terhadap Baitul Maqdis sebagai ibu negara Israel dan pemindahan kedutaan Amerika [48].

Pada 29 November 2019, ABIM menggesa PBB mengambil tindakan signifikan dalam konteks advokasi berhubung siri kezaliman, kekejaman dan jenayah perang oleh rejim Israel terhadap warga Palestin. Perkara itu dinyatakan menerusi Memorandum Mendukung Perjuangan Palestin yang diserahkan oleh ABIM dan Badan Masyarakat Madani kepada wakil PBB di Malaysia. Presiden ABIM, saudara Muhammad Faisal Abdul Aziz berpendapat tindakan berkenaan dapat dilakukan melalui Jawatankuasa Khas PBB, *Committee on the Exercise of the Inalienable Rights of the Palestinian People*. Antara kandungan memorandum seperti berikut:

“Mewakili komuniti antarabangsa, kami memohon secara tegas PBB untuk mendukung perjuangan kebenaran dan keadilan Palestin dengan menguatkuasakan Resolusi 2334: Bab VII Piagam PBB, mengheret Israel ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa, tindakan lebih tegas mempraktikkan resolusi PBB, mempertahankan hak warga Palestin selain mendukung dan membantu misi kemanusiaan. Kami menggesa seluruh warga dunia untuk bersama-sama mengecam keras tindakan biadab dan tidak bertamadun rejim Israel yang bertentangan dengan asas dan landasan hak asasi manusia dan keadilan.”

Memorandum berkenaan diserahkan kepada Koordinator Residen PBB di Malaysia, Stefan Priesner yang disampaikan kepada Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres.

Menurut saudara Muhammad Faisal Abdul Aziz lagi, tanggal 29 November merupakan Hari Antarabangsa Solidariti bersama warga Palestin, sebagaimana yang diwartakan melalui Resolusi 32/40B oleh PBB. ABIM bersama Badan Masyarakat Madani mengisyiharkan pendirian dan sikap kepada dunia iaitu tetap teguh mendukung perjuangan warga Palestin dalam menegakkan keadilan serta membebaskan diri dan tanah air daripada penjajahan rejim Zionis Israel [49].

Pada 13 Ogos 2020, dunia dikejutkan dengan berita berkenaan pengiktirafan Emiriah Arab Bersatu (UAE) kepada Israel. ABIM mengecam Perjanjian Damai UAE-Israel yang diumumkan oleh Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump. ABIM menganggap pengiktirafan ini sebagai satu pengkhianatan. Presiden ABIM, saudara Muhammad Faisal Abdul Aziz, berkata tindakan ini adalah satu tamparan hebat terhadap seluruh umat Islam apabila Abu Dhabi mengiktiraf Israel dan seterusnya akan mewujudkan hubungan diplomatik dengan rejim Zionis itu [50].

Saudara Muhammad Faisal berpendapat bahawa perjanjian ini membelakangkan sentimen dan harapan masyarakat antarabangsa untuk melihat hak Palestin menjadi sebuah negara merdeka di tanah yang dijajah rejim Zionis tercapai. Bagi beliau, perjanjian yang mendapat sokongan kuat Trump yang bertanggungjawab mengiktiraf Baitul Maqdis sebagai ibu negara Israel dan seterusnya menaja *Deal of the Century* adalah satu pengkhianatan besar. Amerika Syarikat menganggap peristiwa itu sebagai hari bersejarah dan langkah signifikan ke arah mewujudkan keamanan di Asia Barat sekaligus mengakhiri ketegangan selama 72 tahun di rantau itu [8][51].

Saudara Muhammad Faisal Abdul Aziz turut menyeru masyarakat antarabangsa dan semua pihak yang cintakan keamanan untuk melipat gandakan usaha serta kempen bagi memboikot rejim Zionis. Beliau berkata:

“ABIM konsisten berpegang teguh kepada penubuhan negara Palestin yang berdaulat dengan Baitul Maqdis sebagai ibu negara. ABIM mendesak kepada semua negara untuk bertindak atas kepentingan kemanusiaan serta kesedaran, berbanding kepentingan ekonomi dan perdagangan dengan pihak Washington semata-mata.”

Berdasarkan keterangan di atas, semua gerakan Islam telah bersatu padu dalam perjuangan rakyat Palestin kerana ia merupakan isu sejahtera dan kemanusiaan. Gerakan Islam perlu meningkatkan lagi kesedaran kepada umat Islam betapa pentingnya kedudukan Masjid al-Aqsa dan menentang kezaliman Zionis Yahudi dalam semua peringkat termasuk memboikot barangisan Israel. Menurut Aris Hazlan dan Riduan, Israel bukan sahaja bermaharajalela di bumi Palestin tetapi juga ingin menguasai dunia [52]. Oleh itu, umat Islam perlu berjihad kerana jihad sahaja bahasa yang dapat difahami oleh Zionis Yahudi.

## 8. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, selari dengan gelaran ‘jurubicara ummah’ di Malaysia, ABIM terbukti memberi impak dan pengaruh dalam isu pembebasan Palestin di Malaysia. Perhimpunan aman, sidang media dan memorandum adalah antara usaha dalam meningkatkan kefahaman dan komitmen masyarakat di Malaysia dan antarabangsa terhadap isu lama yang masih berterusan sehingga hari ini.

ABIM berpandangan bahawa salah satu faktor utama pergolakan semasa adalah isu nasionalisme oleh Israel dan Palestin. Untuk itu, pelbagai pandangan penganalisis politik perlu dibincangkan. Atas sebab itu, ABIM berpendapat bahawa Solusi Dua Negara (*bi-national state or two state solution*) adalah penyelesaian dengan merujuk kepada Belgia sebagai model di mana Perancis dan Belanda wujud dalam satu negara. Akan tetapi pada dasarnya bukan model yang sempurna.

Namun begitu, tidak kira seberapa banyak negara nasional, ketidakpuasan akan terjadi jika penggunaan unsur demokrasi dan pemerintahan yang sangat diperlukan tidak termasuk dalam agenda utama. Prinsip teori demokrasi dan tadbir urus yang baik seperti mempromosikan kesetaraan, hak asasi manusia, ombudsman untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan memerangi rasuah.

Sejak tahun 1948, orang Yahudi dan Arab telah tinggal bersama dan ini menunjukkan bahawa penyelesaian solusi dua negara telah lama wujud. Walaubagaimanapun, ini akan mengakibatkan krisis lebih lanjut apabila ketidaksamaan kekuasaan dalam struktur politik negara dua negara baru. Selama bertahun-tahun, negara ini menjadi Yahudi dan Zionis, tetapi tidak demokratik untuk semua orang. Pihak Israel gagal untuk menghapuskan doktrin superioriti daripada yang lain. Oleh itu, Solusi Dua Negara tetap menjadi mitos dan utopia.

Lebih daripada itu, dengan melihat struktur sosial Israel sekarang, tidak ada yang dapat dijamin untuk kesamarataan politik kerana ketidaksamaan merupakan dasar yang signifikan dalam kalangan hierarki Israel itu sendiri. Terdapat hierarki besar dalam masyarakat Yahudi. Amerika-Yahudi adalah yang paling dihormati di antara etnik Yahudi yang lain. Akses keutamaan mereka terhadap pendidikan dan pekerjaan untuk sekutika, terus membangkitkan kebencian di antara rakan-rakan Yahudi yang lain. Oleh kerana Arab-Yahudi berada di puncak hierarki, mereka tidak dapat menikmati hak istimewa yang ditawarkan dan bahkan diperlakukan buruk.

Ketidaksamaan dalam perlakuan dialami oleh non-Yahudi Arab lain termasuk Iran-Yahudi, Afrika-Yahudi, dan Argentina. Itulah sebab mengapa masyarakat Yahudi yang tinggal di luar Israel di seluruh dunia termasuk Iran tidak puas hati kerana perlakuan yang tidak adil. Dengan menunjukkan keprihatinan itu, pertanyaannya sekarang, Apakah Israel menjunjung prinsip negara *egalitarian*? Dimanakah Israel mempercayai prinsip bahawa semua orang adalah sama dan berhak mendapat hak dan peluang yang sama? Persepsi yang lazim adalah jika mereka siap untuk menegakkan prinsip *egalitarian* itu dengan menghilangkan rasa keunggulan daripada orang lain, maka kita dapat melanjutkan dengan penyelesaian Solusi Dua Negara.

### **Acknowledgement**

The authors express their sincere gratitude to the Centre for General Studies and Co-curricular, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) for its support.

### **Rujukan**

- [1] Nejima, S, NGO s in The Muslim World, 1st ed. New York, NY: Routledge, 2017
- [2] Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd Nor, Baitul Maqdis: Sejarah Kejatuhan Palestin dan Kewujudan Israel, 1st ed. Shah Alam, Selangor: Persatuan Ulama Malaysia, 2010
- [3] M.F. Suhaimi, Dendam Amerika, Israel Terhadap Umat Islam: Rakyat Afghanistan, Iraq, Palestin dan Lebanon Ramai Dibunu, 1st ed. Kuala Lumpur: Progesive Pub. House, 2007
- [4] Ahmad Syahir Sarani, Rosdi Long, & Mohd Zaidi Abdul Aziz, Mencari Makna di Sebalik Krisis di Lebanon dan Palestin: Analisis Kritikal Percaturan Politik Amerika dan Kuasa Serantau, 1st ed. Petaling Jaya, Selangor: Institut Perkembangan Minda,2007
- [5] Shaul Bartal, Jihad in Palestine: Political Islam and The Israeli-Palestinian Conflict, 1st ed. London, New York: Routledge, 2016

- [6] Maszlee Malik, Al-Aqsa dalam bahaya!!, 1st ed. Kuala Lumpur: JIM International & JIMedia, 2016
- [7] Asmady Idris, "Malaysian Non-Governmental Organizations (NGOs) and humanitarian issues in Gaza, Palestine," International Journal Of West Asian Studies, vol. 4, no. 1, pp. 49-78, 2012, doi: 10.5895/ijwas.2012.04
- [8] Astroawani, "Amerika Syarikat secara rasmi iktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel," December 7, 2017 [Online]. Available: Astro Awani, <https://www.astroawani.com/berita-dunia/amerika-syarikat-secara-rasmi-iktiraf-baitulmaqdis-sebagai-ibu-negara-israel-162272>. [Accessed October 4, 2020]
- [9] Ismail Mohd. Ariffin, Intifadah: Kebangkitan Islam Palestin, 1st ed. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbitan Hizbi, 1989
- [10] Marwan Bishara, Palestin / Israel: Keamanan atau Apartheid; Pendudukan, Keganasan dan Masa Depan, 1st ed. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2009
- [11] Astroawani, "Malaysia tolak pelan damai Israel-Palestin yang 'berat sebelah' – NGO, " January 31, 2020 [Online]. Available: Astro Awani, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-tolak-pelan-damai-israelpalestin-yang-berat-sebelah-ngo-229494>. [Accessed October 20, 2020]
- [12] Ismail Zayid, Palestin: Warisan Kita, 1st ed. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia Press, 1977
- [13] United Nations, The Status of Jerusalem. New York, USA: United Nations, 1997. Available: <https://www.un.org/unispal/wp-content/uploads/2016/07/The>Status-of-Jerusalem-English-199708.pdf>. [Accessed Oct. 10, 2020]
- [14] Mohd Azhar Bin Bahari, "ABIM 1971-2004: Kepimpinan, Perjuangan dan Pemikiran", PhD dissertation, Universiti Sains Malaysia (USM), 2012
- [15] Mohd. Rumaizuddin Ghazali, ABIM & Perjuangan Umat Palestin, 1st ed. Kuala Lumpur: ABIM Press, 2003
- [16] Mohammmad Saleh, M., & Ahmad Kamal Mohamed, Isu Palestin: Latar Belakang dan Kronologi Perkembangannya Sehingga Tahun 2000, 1st ed. Kuala Lumpur: Fajar Ulung, 2001
- [17] Brewer, J., Wilford, R., Guelke, A., Hume, I., and Moxon-Browne, E., The Police, Public Order and the State. London: Palgrave Macmillan Limited, 2016
- [18] Daniel Gordis, Menachem Begin: The Battle for Israel's Soul (Jewish Encounters Series), 1st ed. New York: Schocken, 2014
- [19] ABIM. ABIM dengan Isu-isu Semasa, 1990-1992, 1st ed. Petaling Jaya, Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1992
- [20] Aljazeera, "Remembering the Ibrahim Mosque massacre," February 24, 2014 [Online]. Available: Al-Jazeera, <https://www.aljazeera.com/gallery/2014/2/24/remembering-the-ibrahimi-mosque-massacre/>. [Accessed October 20, 2020]
- [21] Zulkifli Mohamad al-Bakri dan Fatimah Syarha Mohd. Noordin, Palestin tak pernah gentar!: Fatwa kontemporari dan penyelesaiannya, 1st ed. Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2009
- [22] Yusuf al-Qaradhawi, Fatwa Palestin: Soal Jawab Berkennaan Isu Pergolakan di Palestin, 1st ed. Kuala Lumpur, Malaysia: PTS Islamika, 2014

- [23] Yusri Yusof, *Siapa khianati Palestin?: Usaha iktiraf Israel*, 1st ed. Batu Caves, Selangor: Penerbitan Pemuda, 1994
- [24] Memo Middle East Monitor, "Remembering the massacre at Deir Yassin," April 9, 2018 [Online]. Available: Middle East Monitor, <https://www.middleeastmonitor.com/20180409-remembering-the-massacre-at-deir-yassin/>. [Accessed October 20, 2020]
- [25] Malaysiakini, "Isu Palestin satukan Umno dan PAS," May 14, 2002 [Online]. Available: Malaysiakini, <https://www.malaysiakini.com/columns/20518>. [Accessed October, 2020]
- [26] Selangorkini, "ABIM minta syarikat terlibat Israel putus hubungan," October 16, 2015 [Online]. Available: Selangorkini, <https://selangorkini.my/2015/10/abim-minta-syarikat-terlibat-israel-putus-hubungan/>. [Accessed 22 October, 2020]
- [27] Malaysiakini, "Israel: Rais tidak Peka Isu Palestin," April 17, 2008 [Online]. Available: Malaysiakini, <https://www.malaysiakini.com/news/81518>. [Accessed October 22, 2020]
- [28] Hafidzi Mohd. Noor, Maszlee Malik, & Megat Shariffudin Ibrahim, *Air Mata Gaza*, 1st ed. Kuala Lumpur, Malaysia: Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM), 2010
- [29] Mohamad Fauzi Zakaria, & Mohd. Roslan Mohd. Nor, *Bumi yang Dijanjikan: Konflik Palestin-Israel*, 1st ed. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya, 2013
- [30] Yusuf al-Qaradhawi, *Al-Quds dan Palestin Tanggungjawab Kita Bersama*, 1st ed. Malaysia: Alam Raya Enterprise Sdn Bhd, 2012
- [31] Abdul Hadi Awang, *Palestin: Daripada Perampas Jalanan kepada Peta Jalanan*, 1st ed. Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2011
- [32] Hafidzi Mohd. Noor, *Dalang di Palestin: Hamas atau Israel?*, 1st ed. Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, 2010
- [33] Malaysiakini, "Kenapa Malaysia perlu sokong Palestin," June 17, 2010 [Online]. Available: <https://www.malaysiakini.com/letters/134765>. [Accessed October 21, 2020]
- [34] TRT World, "Mavi Marmara 2010 News - TRT World," June 1, 2010 [Online]. Available: <https://www.trtworld.com/news/Mavi+Marmara+2010> . [Accessed October 21, 2020]
- [35] Fatimah Syarha Mohd Noordin, & Farhan Hadi Mohd Taib, *Detik Cemas Mavi Marmara: Palestin Kami Datang*, 1st ed. Kuala Lumpur, Malaysia: Telaga Biru Sdn. Bhd, 2010
- [36] Jimmy Carter, *Perdamaian Palestin Bukanlah Apartheid*, 1st ed. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2011
- [37] Berita Harian, "Malam Puisi Riong BH-ABIM: Pelancaran Tabung Untuk Gaza," p.23, July 27, 2010 [Online]. Available: <https://www.klik.com.my/item/story/4737882/malam-puisi-riong-bh-abim>. [Accessed October 21, 2020]
- [38] Ruzanah Binti Mohd Rozi, & Mohd Roslan Mohd Nor, "Kesan Misi Bantuan Kemanusiaan Freedom Flotilla ke Gaza," *International Journal Of West Asian Studies*, vol. 8, no. 1, pp. 7-17, 2016, doi: 10.22583/ijwas.2016.08.01
- [39] Berita Harian. "Konvoi kemanusiaan NGO Malaysia masuk ke Gaza," Berita Harian, August 16, 2014 [Online]. Available: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2014/08/936/konvoi-kemanusiaan-ngo-malaysia-masuk-ke-gaza>. [Accessed October 22, 2020]

- [40] Nurul Fatihah, Y., Azlizan, M., & Zubaidah Vp, H., "Malaysia Commitment In Israel-Palestine Conflict: 1957-2014," International Journal Of Politics, Public Policy And Social Works, vol.1, no.1, pp. 1-11, 2019, doi: 10.35631/ijppsw.11001
- [41] MyMetro, "Demi Al-Quds" Metro, October 1, 2015 [Online]. Available: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/10/81487/demi-al-quds>. [Accessed October 21, 2020]
- [42] Berita Harian "Barack Obama tiba di Malaysia," Berita Harian, November 20, 2015 [Online]. Available: <https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2017/07/98621/barack-obama-tiba-di-malaysia>. [Accessed October 21, 2020]
- [43] ABIM, "Lawatan Obama Ke Malaysia:- ABIM Gesa Malaysia Suara Pendirian Tegas Dalam Isu TPPA & Palestine," November 20, 2015 [Online]. Available: <http://www.abim.org.my/siaran-sentral/item/952-lawatan-obama-ke-malaysia-abim-gesa-malaysia-suara-pendirian-tegas-dalam-isu-tppa-palestine.html>. [Accessed October 21, 2020]
- [44] Astroawani, "Hamas saran rakyat Malaysia supaya bersatu," December 10, 2015 [Online]. Available: <https://www.astroawani.com/berita-politik/hamas-saran-rakyat-malaysia-supaya-bersatu-84666> . [Accessed October 22, 2020]
- [45] Harian Metro, "Perhimpunan Amal Bantah tindakan Israel," Metro, p. 11, July 21, 2017 [Online]. Available: <https://www.pressreader.com/malaysia/harianmetro/20170721/281698319804233>. [Accessed October 22, 2020]
- [46] The Guardian, "Britain must atone for the Balfour declaration – and 100 years of suffering," November 1, 2017 [Online]. Available: <https://www.theguardian.com/commentisfree/2017/nov/01/arthur-balfour-declaration-100-years-of-suffering-britain-palestine-israel>. [Accessed October 21, 2020]
- [47] Astroawani, "ABIM kecam tindakan zalim Israel ke atas peserta 'Great March of Return'," October 29, 2018 [Online]. Available: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/abim-kecam-tindakan-zalim-israel-ke-atas-peserta-great-march-of-return-189530>. [Accessed October 20, 2020]
- [48] Malaysiakini, "ABIM gesa kerajaan suarakan pandangan Malaysia dalam isu Palestin," May 15, 2018 [Online]. Available: <https://m.malaysiakini.com/news/424977>. [Accessed October 21, 2020]
- [49] MyMetro, "Hentikan kekejaman!!!," November 30, 2019 [Online]. Available: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/11/522021/hentikan-kekejaman,.> [Accessed October 21, 2020]
- [50] Berita Harian, "ABIM selar perjanjian damai UAE-Israel, anggap ia satu pengkhianatan," August 15, 2020 [Online]. Available: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/721480/abim-selar-perjanjian-damai-uae-israel-anggap-ia-satu-pengkhianatan.> [Accessed October 24, 2020]
- [51] Al Jazeera, "Israel, UAE Announce Normalisation of Relations with US Help," August 13, 2020 [Online]. Available: <https://www.aljazeera.com/news/2020/8/13/israel-uae-announce-normalisation-of-relations-with-us-help>. [Accessed 21 October, 2020]
- [52] Aris Hazlan Ismail & Riduan Mohamad Nor, Gaza Menangis: Menelusuri Sejarah Perjuangan Palestin dan Pembantaian di Gaza, 1st ed. Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan: Jundi Resources, 2009